**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR**
**TINGKAT LG,G,1,3,4**
**BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**
**40576 SHAH ALAM**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

*No. Tel : 603-5544 7000*
*No. Faks : 603-5510 2658*
*Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624*
*URL : https://ptg.selangor.gov.my*
*E-mail : ptgs@selangor.gov.my*

**#KitaSelangor**

Ruj. Kami: Bil.(40)dlm.PTGS/BPH/SEL/10/31/99 Jld. 33
Tarikh : 13 Oktober 2023
27 Rabiulawal 1445H

***EDARAN SEGERA***

**Badan Peguam Malaysia**
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur**
Tingkat 4,
Wisma Hangsam,
No.1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Selangor**
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN PENUTUPAN KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH BAGI TUJUAN PEWARTAAN SISTEM e-TANAH SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pentadbiran Tanah Negeri Selangor akan mewartakan penggunaan sistem e-Tanah bagi menggantikan sistem sedia ada pada 26 Oktober 2023 (Khamis). Sehubungan itu, semua kaunter operasi di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan kaunter Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) akan ditutup selama lima (5) hari bermula dari **23 hingga 27 Oktober 2023**. Penutupan ini perlu dibuat bagi membolehkan pihak kami melaksanakan akvititi-aktiviti persiapan sebelum sistem e-Tanah *go-live*. Kaunter akan dibuka semula pada **30 Oktober 2023 (Isnin)** dan akan menggunapakai sistem e-Tanah sepenuhnya. Jadual terperinci penutupan dan pembukaan semula operasi kaunter dan kiosk Smartbox di PTGS dan PDT adalah seperti berikut:

**PEMBERITAHUAN PENUTUPAN KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH BAGI TUJUAN PEWARTAAN SISTEM e-TANAH SELANGOR**

| | Tarikh Tutup | Tarikh Buka Semula |
|---|---|---|
| Kaunter PTGS dan PDT | 23 – 27 Oktober 2023 | 30 Oktober 2023 |
| Kiosk Perserahan Smartbox | 20 Oktober 2023<br>(jam 3.30 petang) | 30 Oktober 2023<br>Kiosk Perserahan (7.00 pagi)<br>Portal Smartbox (6.30 pagi) |
| Kiosk Pungutan Smartbox | 24 Oktober 2023<br>(jam 3.30 petang) | 30 Oktober 2023 |

3. Berikutan daripada penutupan tersebut, perkara-perkara berkenaan akan dikuatkuasakan seperti berikut:

3.1 Mana-mana bayaran yang telah dibuat di portal Smartbox pada 20 Oktober 2023 atau sebelum **wajib** diserahkan di kiosk perserahan Smartbox pada 20 Oktober 2023;

3.2 Pengecualian denda lewat penyaksian akan diberikan kepada mana-mana borang urusniaga yang tamat tempoh tarikh penyaksian dari 21 hingga 30 Oktober 2023;

3.3 Pengecualian denda lewat pungutan akan diberikan kepada dokumen yang tarikh pungutannya berakhir dari 23 Oktober hingga 1 November 2023;

3.4 Tiada sebarang pengecualian denda lewat diberikan selain daripada tarikh yang dinyatakan bagi urusan urusniaga dan pungutan hakmilik; dan

3.5 Bagi urusan-urusan yang melibatkan kelulusan dan pertimbangan pegawai boleh dilaksanakan selepas kaunter dibuka semula.

4. Pentadbiran ini juga menggalakkan pertanyaan-pertanyaan dibuat melalui e-mel seperti berikut:

| BIL. | BAHAGIAN | E-MEL |
|---|---|---|
| 1. | Bahagian Pendaftaran Hakmilik | pendaftaranptg@selangor.gov.my |
| 2. | Bahagian Hakmilik Strata | strataptg@selangor.gov.my |
| 3. | Bahagian Hasil | hasilptg@selangor.gov.my |
| 4. | Smartbox | smartboxptg@selangor.gov.my |

5. Sebarang maklumat lanjut boleh melayari https://ptg.selangor.gov.my atau e-mel ptgs@selangor.gov.my dan sebarang perubahan dan informasi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

6. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Kerjasama semua berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. HIZAN BIN WAHED)**
Timbalan Pengarah (Pendaftaran)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

**s.k:**

Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana,
62574 Putrajaya

Timbalan Pengarah (Pengurusan), PTGS

Timbalan Pengarah (Pendaftaran), PTGS

KPP, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, PTGS

KPP, Bahagian Hasil, PTGS

KPP, Bahagian Hakmilik Strata, PTGS

KPP, Bahagian Teknologi Maklumat, PTGS

PP, Bahagian Khidmat Pengurusan, PTGS

PP, Bahagian Korporat, Audit Pengurusan Tanah dan Inovasi, PTGS